



**GARIS PANDUAN
ETIKA PENYELIDIKAN UMUM
UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA**

1.0 PENDAHULUAN

- 1.1 Setiap aktiviti penyelidikan yang berkualiti dan berdaya saing perlu memberikan keutamaan kepada aspek etika kepada semua staf akademik. Etika penyelidikan umum pada asasnya ialah semua perkara yang melibatkan aspek kejujuran dan integriti di mana ia perlu dipantau dan dikawal selia dengan lebih komprehensif melalui garis panduan yang khusus. Skop etika penyelidikan umum bermula dari awal pengurusan geran sehingga kepada akhirnya hasil penyelidikan itu tercapai. Ia lebih kepada sikap dan tanggungjawab setiap penyelidik terhadap semua aktiviti penyelidikan yang dilaksanakan dan memenuhi keperluan pembiaya pada akhirnya.

- 1.2 Dengan ini, Garis Panduan Etika Penyelidikan Umum penting untuk memberi kesedaran dan kefahaman kepada penyelidik mengenai kepentingan melaksanakan aktiviti penyelidikan secara berintegriti dan dengan hikmah. Oleh yang demikian, nilai-nilai murni dan positif perlu ditanam dalam jiwa semua penyelidik dan seterusnya melahirkan budaya penyelidikan yang jujur dan ikhlas dalam universiti. Ini termasuklah menghormati subjek-subjek penyelidikan, menggunakan dana penyelidikan secara berhemah dan mengiktiraf semua pihak yang terlibat dalam penyelidikan. Dalam memastikan penyelidikan dilaksanakan mengikut etika yang betul, penyelidik hendaklah memberi perhatian bahawa sebarang pelanggaran dalam etika penyelidikan

boleh memberi kesan kepada perkhidmatan staf, menjelaskan hubungan dengan pihak pembiaya serta memberi kesan negatif terhadap imej universiti.

2.0 OBJEKTIF

Objektif Etika Penyelidikan Umum adalah seperti berikut:

- i) Menyediakan garis panduan etika penyelidikan yang jelas di universiti.
- ii) Menjadi rujukan utama penyelidik dalam menjalankan penyelidikan.
- iii) Memberi kesedaran kepada penyelidik mengenai kepentingan mematuhi etika penyelidikan.
- iv) Menjaga imej universiti dalam pelaksanaan setiap aktiviti penyelidikan.
- v) Menghasilkan penyelidikan yang asli dan bermutu tinggi dalam persekitaran yang kondusif.
- vi) Memenuhi keperluan yang ditetapkan oleh pihak pemberi dana.
- vii) Meningkatkan kebolehpercayaan agensi swasta/industri dalam dan luar negara untuk memberi dana penyelidikan.

3.0 ETIKA PENYELIDIKAN (UMUM)

Garis Panduan Etika Penyelidikan Umum merangkumi perkara-perkara berikut:

- i) **Skop Etika Penyelidikan**
 - a) Pengurusan Geran Penyelidikan
 - b) Hasil Penyelidikan
 - c) Inovasi
 - d) Jaringan dan Kolaborasi dengan pihak luar
 - e) Perundingan dan Perkhidmatan Profesional
- ii) **Salah Laku Penyelidikan**
 - a) Konflik Kepentingan
 - b) Pemalsuan Data dan Maklumat
 - c) Pelanggaran Perjanjian

iii) **Pelbagai**

- a) Penguatkuasaan Etika
- b) Pengecualian
- c) Perlindungan Universiti

3.1 PENGURUSAN GERAN PENYELIDIKAN

Dalam menjalankan penyelidikan, penyelidik bertanggungjawab untuk mematuhi etika pengurusan geran penyelidikan yang merangkumi perkara-perkara berikut:

- 3.1.1 Memastikan integriti semasa permohonan geran dari segi objektif dan perancangan penyelidikan.
- 3.1.2 Memastikan penyelidikan mematuhi Kod Etika dan Integriti Staf Akademik UTHM (Terbitan Penerbit UTHM dengan kerjasama Pejabat Pengurusan Kualiti dan Perancangan Korporat UTHM - Edisi Pertama 2008).
- 3.1.3 Memastikan proses perolehan dilaksanakan secara telus mengikut peraturan pemberi dana dan kewangan yang berkuatkuasa dan bukan untuk tujuan-tujuan lain.
- 3.1.4 Menguruskan aset dan harta penyelidikan dengan baik sepanjang tempoh penyelidikan.
- 3.1.5 Memastikan tanggungjawab pelaporan kepada pemberi dana dipenuhi.
- 3.1.6 Menguruskan data penyelidikan dari segi keselamatan dan kerahsiaan.
- 3.1.7 Mengisyiharkan sebarang penerimaan sumber luar sama ada dalam bentuk tunai atau *in-kind* kepada Universiti.
- 3.1.8 Melaporkan sebarang salah laku dalam penyelidikan kepada Universiti.

3.2 HASIL PENYELIDIKAN

3.2.1 Penerbitan dan Penyebaran Maklumat

- 3.2.1.1 Universiti menggalakkan ahli penyelidik untuk menyebarkan hasil daripada penyelidikan mereka. Penerbitan boleh disebarluaskan melalui media cetakan dan / atau media elektronik. Ia termasuklah artikel, bab dalam buku, prosiding persidangan, artikel jurnal, buku, monograf, modul, paten, perisian, pengkalan data, tesis, buletin, karya kreatif dan lain-lain.
- 3.2.1.2 Semua kategori penerbitan perlu mematuhi etika-etika yang telah ditetapkan oleh agensi penerbitan.
- 3.2.1.3 Ahli penyelidik disarankan untuk mematuhi prinsip akauntabiliti, sikap etika dan profesional yang digunakan di universiti bagi memastikan perjanjian kerahsiaan dapat dilindungi dalam setiap penerbitan.
- 3.2.1.4 Penyelidik juga perlu menerangkan kepada pemberi dana supaya mereka memahami kepentingan penerbitan dalam penyelidikan dan tidak menangguhkan penerbitan di luar masa yang diperlukan, selagi perjanjian kerahsiaan tidak dilanggar.
- 3.2.1.5 Semua hasil penerbitan perlu dikemaskini di dalam pengkalan-pengkalan data yang telah disediakan oleh universiti dan pemberi-pemberi dana penyelidikan. Bagi UTHM, penyelidik disarankan mengemaskini maklumat tersebut di dalam Sistem Maklumat Penerbitan Universiti (SMPU) yang boleh dicapai di <http://smpu.uthm.edu.my/>.
- 3.2.1.6 Petikan kepada sumber rujukan perlu menggunakan sistem rujukan yang sesuai, bertujuan untuk memberi kredit dan memberi pengiktirafan kepada kerja kajian terdahulu oleh pengarang tersebut.

- 3.2.1.7 Individu-individu yang memberi sumbangan yang signifikan terhadap projek layak untuk dimasukkan di dalam senarai penulis.
- 3.2.1.8 Jika terdapat persamaan dengan penerbitan lain yang ditulis oleh penyelidik atau penulis yang sama, adalah menjadi tanggung jawab penyelidik atau penulis untuk memaklumkan kepada penerbit berkaitan perkara tersebut.
- 3.2.1.9 Aktiviti plagiat terhadap mana-mana kategori penerbitan merupakan salah laku yang serius sama ada daripada pihak penyelidik dan pelajar.
- 3.2.1.10 Bagi kes di mana penyelidikan dilakukan secara kolaborasi atau kontrak, sebarang bentuk penerbitan perlu mendapat keizinan daripada semua pihak yang terlibat.
- 3.2.1.11 Adalah menjadi tanggung jawab penyelidik untuk memelihara dan memastikan ketepatan data di dalam penerbitan. Penyelidik disarankan untuk menarik balik atau memperbetulkan mana-mana laporan atau data di dalam penerbitan sekiranya disyaki terdapat kesilapan.
- 3.2.1.12 Sebarang pelupusan maklumat, data dan rekod perlu mematuhi Panduan Pelupusan Rekod Awam.

3.2.2 Penghargaan Kepada Pemberi Dana

- 3.2.2.1 Penyelidik perlu menyatakan di dalam mana-mana penerbitan nama-nama pemberi dana di dalam ruangan penghargaan.
- 3.2.2.2 Nama agensi pemberi dana harus ditulis sepenuhnya, diikuti dengan nama geran dan nombor rujukan geran.

3.3 INOVASI

3.3.1 Hak Harta Intelek

- 3.3.1.1 Hak terhadap harta intelek yang dihasilkan oleh penyelidik meliputi staf dan pelajar adalah milik Universiti kecuali dinyatakan sebaliknya oleh mana-mana klausa dalam Etika ini dan/atau mana-mana dasar/peraturan yang berkuatkuasa.
- 3.3.1.2 Harta Intelek daripada hasil projek penyelidikan dengan kerjasama pihak luar adalah menjadi hak milik bersama berdasarkan kepada perjanjian kerjasama penyelidikan yang berkuatkuasa.
- 3.3.1.3 Pengurusan hak harta intelek hasil penyelidikan hendaklah dikawal selia dengan merujuk kepada kepada Polisi Harta Intelek UTHM yang berkuatkuasa.

3.3.2 Perlindungan Harta Intelek

- 3.3.2.1 Universiti dan Penyelidik bertanggungjawab untuk melaksanakan perlindungan terhadap harta intelek hasil penyelidikan yang diperakuan oleh Universiti. Pendaftaran harta intelek hendaklah mengikuti prosedur yang telah ditetapkan dalam Polisi Harta Intelek UTHM.

3.3.3 Hak Pengkomersilan

- 3.3.3.1 Sebarang urusan dalam mengkomersilkan hasil penyelidikan UTHM harus melibatkan pihak berkuasa Universiti yang ditetapkan dan harus dilaksanakan mengikut Dasar Pengkomersilan Harta Intelek UTHM yang berkuatkuasa.

3.4 JARINGAN DAN KOLABORASI DENGAN PIHAK LUAR

- 3.4.1 Penyelidik adalah digalakkan untuk mengadakan sebarang kolaborasi bersama pihak luar sama ada daripada universiti, agensi kerajaan atau agensi swasta.
- 3.4.2 Penyelidikan juga perlu memantapkan jaringan hubungan dengan penyelidik di peringkat antarabangsa bertujuan untuk mendapatkan dana-dana penyelidikan daripada luar negara.
- 3.4.3 Penyelidik perlu memahami semua terma-terma dan syarat-syarat kerjasama, pembiayaan dana dan apa-apa perjanjian yang telah dimetrai bagi menjaga kerahsiaan projek tersebut.
- 3.4.4 Persetujuan atau kelulusan bertulis perlu dibuat di antara kedua-dua belah pihak iaitu penyelidik dan rakan kerjasama sekiranya ahli penyelidik memerlukan akses kepada kemudahan di kedua-dua institusi bagi menjalankan penyelidikan.
- 3.4.5 Penyelidik perlu mengambil kira risiko dan faedah yang bakal diperolehi oleh kedua-dua pihak sebelum aktiviti penyelidikan dilaksanakan.

3.5 PERUNDINGAN DAN PERKHIDMATAN PROFESIONAL

- 3.5.1 Sebarang aktiviti perundingan dan perkhidmatan profesional perlu melalui saluran yang telah ditetapkan oleh universiti, iaitu sama ada melalui anak syarikat UTHM atau Pusat Inovasi dan Pengkomersilan.
- 3.5.2 Penyelidik atau Perunding yang ingin melibatkan diri dalam sebarang aktiviti perundingan dan perkhidmatan profesional wajar terlebih dahulu mendapatkan persetujuan atau kelulusan daripada Ketua Pusat Tanggungjawab masing-masing.
- 3.5.3 Penyelidik atau Perunding digalakkan untuk mempromosikan aktiviti perundingan melalui penyelidikan mereka dan universiti.
- 3.5.4 Program mentor-mentee perlu diwujudkan bagi menyediakan pelapis di kalangan Penyelidik atau Perunding muda untuk menjamin kelestarian aktiviti perundingan.

4.0 SALAH LAKU PENYELIDIKAN

Salah laku penyelidikan merupakan satu bentuk salah laku bagi apa-apa tujuan dalam bentuk pemanipulasi, kesalahan tafsir (*misrepresentation*) dan pemalsuan samada maklumat, data maupun hasil kajian.

US Office of Science and Technology Policy (OSTP) mendefinisikan salah laku penyelidikan sebagai “fabrication, falsification, or plagiarism (FFP) in proposing, performing, or reviewing research, or in reporting research results”.

Tatacara perlu diberi perhatian yang serius dalam perlaksanaan aktiviti penyelidikan bagi mengelak kepada perkara-perkara yang boleh membawa kepada salah laku. Antara perkara-perkara yang perlu diberi perhatian yang boleh membawa kepada salah laku adalah konflik kepentingan, pemerekaan data dan maklumat, pemalsuan data dan maklumat dan plagiat.

4.1 KONFLIK KEPENTINGAN

- 4.1.1 Konflik kepentingan merupakan keadaan di mana seseorang penyelidik yang dipertangungjawabkan bagi melaksanakan tugas penyelidikan mempunyai kepentingan peribadi diatas sesuatu perkara yang dilaksanakan yang dijangka dapat mempengaruhi sesuatu keputusan pada tugas yang diberi.
- 4.1.2 Penyelidik seharusnya memastikan bahawa terdapat pemisahan di antara kepentingan peribadi dan tugas-tugas penyelidikan yang dilaksanakan bagi menjamin integriti dan kualiti penyelidikan yang dihasilkan.
- 4.1.3 Antara perkara-perkara yang berpotensi menyebabkan berlakunya konflik kepentingan adalah seperti:
 - 4.1.3.1 Penyelidik mempunyai kepentingan peribadi/kewangan di dalam mana-mana syarikat yang menjalankan aktiviti urusniaga dengan universiti di mana ianya dijangka dapat mempengaruhi dia la membuat pengurusan.

- 4.1.3.2 Menjalankan aktiviti di mana penyelidik dibayar/diberi saguhati/upah dari sumber luar (seperti projek penyelidikan, persidangan, dll.) yang melibatkan, atau dirasakan melibatkan penggunaan nama universiti, fasiliti, peralatan dan kakitangan kecuali setelah mendapat kebenaran bertulis daripada pemberi dana dan mematuhi peraturan yang berkuat kuasa.
- 4.1.3.3 Menjalankan aktiviti yang melanggar, atau dijangkakan akan melanggar, sebarang prinsip-prinsip tatacara pengurusan penyelidikan bagi dana-dana yang ditadbir/diurus melalui universiti.
- 4.1.3.4 Melantik, atau meminta dibuat perlantikan, terhadap seseorang individu dimana penyelidik mempunyai hubungan peribadi.
- 4.1.3.5 Menjalankan aktiviti berkaitan penyelidikan yang membelakangi, atau dijangkakan akan membelakangi, kepentingan universiti yang membawa kepada keputusan berat sebelah.

4.2 PEMALSUAN DATA DAN MAKLUMAT

- 4.2.1 Pemalsuan dan rekaan data dan maklumat merupakan tindakan yang dilakukan oleh penyelidik dengan secara sengaja bertujuan untuk mengubah hasil atau dapatan kajian bagi tujuan tertentu dimana ianya akan, atau dijangkakan akan, memberi kesan kepada individu serta organisasi.
- 4.2.2 Pemalsuan data dan maklumat meliputi aspek pemanipulasi bahan penyelidikan, peralatan, atau proses-proses, atau pengubahan, atau penafian data atau keputusan sehingga kajian yang dilaksanakan tidak mengambarkan secara tepat di dalam rekod/laporan penyelidikan.
- 4.2.3 Manakala rekaan data pula merujuk kepada penyediaan data yang tidak mengikut proses penyelidikan yang diterima yang bertujuan bagi

mendapatkan hasil penyelidikan yang telah ditentukan terlebih dahulu mengikut kehendak penyelidik yang kemudiannya dilaporkan sebagai satu hasil penyelidikan yang asli.

- 4.2.4 Namun begitu, adalah penting untuk dinyatakan bahawa ketidaktepatan dalam data dan kemudiaanya dilaporkan didalam hasil penyelidikan adalah suatu perkara yang biasa dinyatakan sebagai *honest mistake* di pihak penyelidik dan tidak disengajakan. Ini tidak boleh disamakan dengan perkara berkaitan pemalsuan dan pemerekaan data di mana ianya dilakukan dengan sengaja.

4.3 PENYELEWENGAN DANA PENYELIDIKAN

- 4.3.1 Penyelidik, di dalam apa juga keadaaan, perlu memastikan bahawa penggunaan dana penyelidikan perlu mengikut kehendak dan konsisten dengan tujuan asal dana tersebut diluluskan.
- 4.3.2 Salah guna dana penyelidikan, meliputi apa juga jenis dana yang diuruskan oleh universiti, meliputi penggunaan dana penyelidikan yang tidak konsisten mahupun selaras dengan tujuan penyelidikan, penyelewengan dana, dan/atau memberi maklumat yang tidak lengkap mahupun tepat terhadap dokumentasi perbelanjaan dari dana penyelidikan yang diluluskan.

4.4 PLAGIAT

- 4.4.1 Plagiat merupakan satu bentuk penyelewengan yang diberi perhatian serius dalam bidang akademik. Penyelidik dikehendaki untuk sentiasa berhati-hati di dalam menerbitkan karya akademik dan dalam penghasilan inovasi baharu supaya tidak dikaitkan dengan isu plagiat.
- 4.4.2 Plagiat merujuk kepada mempersembahkan dan menggunakan hasil kerja pihak lain, samada hasil kerja itu telah diterbitkan atau tidak diterbitkan yang mana ianya meliputi teori-teori, konsep, data, bahan bersumber, metodologi atau hasil penyelidikan termasuk graf dan imej

tanpa memperolehi kebenaran dan menganggap hasil kerja tersebut adalah milik sendiri.

- 4.4.3 Penyelidik juga dikehendaki untuk sentiasa memastikan yang segala rujukan direkod dengan sempurna serta memperolehi kebenaran dari pihak berkenaan telah diperolehi terlebih dahulu sebelum sesuatu karya mahupun inovasi dimaklumkan kepada umum.

4.5 PERLANGGARAN PERJANJIAN DAN KERAHSIAAN

- 4.5.1 Pelanggaran terhadap perjanjian dan kerahsiaan boleh mengakibatkan penyelidik dan Universiti dikenakan tindakan daripada pemberi dana atau rakan kolaborasi.
- 4.5.2 Penyelidik perlu menjaga sebarang maklumat yang diterima di bawah syarat-syarat kerahsiaan seperti dengan tidak mendedahkan nama individu atau institusi yang terlibat.
- 4.5.3 Pelanggaran kerahsiaan itu boleh menyebabkan penyelidik bertanggungjawab sepenuhnya terhadap tuntutan oleh pemilik maklumat tersebut.

5.0 PELBAGAI

5.1 PENGUATKUASAAN ETIKA

- 5.1.1 Etika Penyelidikan ini adalah berkuatkuasa kepada semua staf, pelajar dan rakan kerjasama.

5.2 PENGECUALIAN

- 5.2.1 Naib Canselor boleh memberikan pengecualian kepada mana-mana pelajar, staf dan rakan kerjasama daripada tertakluk kepada Etika ini

dengan syarat bahawa keperluan tersebut adalah berkaitan dengan keperluan keselamatan negara.

- 5.2.2 Walau bagaimanapun, pengecualian ini hendaklah tidak memberi kesan kepada mana-mana undang-undang yang berkuatkuasa dan/atau terhadap tanggungjawab yang dinyatakan dalam mana-mana dokumen perjanjian yang telah ditandatangani antara Universiti dengan mana-mana pihak lain.

5.3 PERLINDUNGAN UNIVERSITI

- 5.3.1 Mana-mana staf, pelajar dan rakan kerjasama yang gagal untuk mematuhi Etika ini sehingga menyebabkan kerugian kepada Universiti hendaklah membayar ganti ganti rugi, menyerahkan kembali dan melepaskan Universiti daripada sebarang tuntutan, apa-apa tindakan undang-undang, kerugian, kerosakan dan liabiliti yang disebabkan oleh kecuaian, kegagalan, keengganan dan ketidakpatuhan staf, pelajar dan rakan kerjasama terhadap pelaksanaan Etika ini.

5.4 TAFSIRAN

- 5.4.1 Etika ini hendaklah dibaca dan ditafsirkan bersama-sama dengan mana-mana Dasar, Peraturan dan Pekeliling Universiti yang berkuatkuasa dari semasa ke semasa.

6.0 PENUTUP

Garis Panduan Etika Penyelidikan Umum diharapkan menjadi panduan yang lengkap kepada semua warga penyelidik UTHM mengenai etika dan tatacara melaksanakan penyelidikan. Amalan tatacara penyelidikan yang berhemah dan beretika adalah penting untuk merealisasikan hasrat menjadikan UTHM sebagai sebuah universiti yang unggul dalam penyelidikan.